



PERSADA

UNIMAS & Cornell
Initiates Service Learning
Programme

Liputan Majlis
Konvokesyen
ke-19

Fifth eBorneo
Knowledge Fair 2015
in Ba'Kelalan - A Huge
Success

Berkat Sayangi Hidupan Marin:

Cindy Rangkul

Hubergerak Antarabangsa

Arkib
LG
173
K63
P466
2015
Bil.49
Disember
BUL



Sidang Redaksi

Penasihat
Prof. Dr. Kopli Bujang

Ketua Editor
Prof. Madya Dr. Fitri Suraya Mohamad

Editor
Sabrina Mahili
Sarena Haidir
Yulhardy Budiman

Pereka
Amzar bin Ashari

Jurufoto
Azlandy Mohammad Ali Tuah
Mohd Haimey Abd Razak

Edaran
Bahagian Perancangan dan
Komunikasi Korporat

Penerbit
Bahagian Penerbitan

 [unimasofficial_instagram](https://www.instagram.com/unimasofficial_instagram)

 <https://ms-my.facebook.com/unimasofficial>

 <https://twitter.com/UNIMASofficial>

KANDUNGAN

06 ANUGERAH PELAJAR TERBAIK: DEDIKASI LIMA PELAJAR DIJULANG

07 SIKAP POSITIF RESIPI KEJAYAAN YAHYA

08 "TAKKAN PULANG..." KATA-KATA AKHIR PENERIMA ANUGERAH POSTHUMOUS

09 5TH eBORNEO KNOWLEDGE FAIR 2015 IN BA'KELALAN, A HUGE SUCCESS

12 TAKLIMAT TPPA BERSAMA YB DATO SERI MUSTAPHA MUHAMAD

14 PELANTIKAN SEBAGAI FELO ASM: PENCAPAIAN CEMERLANG PROF BALBIR SINGH, FASc

19 *"Lee Hansai, 22, berkata meneropok dapat mempelajari budaya dan selain berkongsi ilmu tersebut di negara mereka sendiri."*



15 *"UNIMAS Publish Penerbitan Ilmu buku hasil karya"*

Arkib

LG

173

K63

P466

2015

B31.49

Disember

BUL



10

"Paling menarik, Cinay merupakan satu-satunya UNIMAS yang berjaya memperolehi anugerah berdisampaikan pada Persidangan Mamalogi Marin & Francaisco."



1000269392



16

CITRAWARNA UNIMAS 2015
SERLAH BAKAT DAN
KREATIVITI PELAJAR

20

SEKITAR MAJLIS SYARAHAN
INAUGURAL 2015

program ini, mereka
hasa di negara Malaysia
ada kawan-kawan lain di

22

"ISITI welcomed the first group of eight students from Cornell University to Sarawak who will be embarking on a three-week service learning excursion to two ISITI research sites in Bario and Long Lomai."



24

VISIT FROM LYCÉE FRANÇAIS
DE KUALA LUMPUR (FRENCH
SCHOOL OF KUALA LUMPUR)

25

13 AHLI BAHARU MPP ANGKAT
SUMPAAH

26


TRAGEDI ANTIGONE
DIPENTASKAN DI UNIMAS

di bawah naungan Majlis
(MAPIM) telah membawa tiga
ahli akademik UNIMAS..."

18

"Masyarakat dan komuniti universiti perlu bekerjasama dalam konteks kerjasama pintar bagi mewujudkan siswa UNIMAS yang mempunyai keperihatinan yang tinggi pada masyarakat dan mempunyai tahap kemahiran insaniah yang tertinggi"





Konv 2015 UNIMAS





SEKITAR MAJLIS
KONVOKESYEN *Ke-19*
UNIMAS



ANUGERAH PELAJAR TERBAIK DEDIKASI LIMA GRADUAN DIJULANG

Lima pelajar dari Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) telah menerima Anugerah Pelajar Terbaik Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM) tajaan Sarawak Information Systems Sdn Bhd (SAINS).

Anugerah Pelajar Terbaik FSKTM ini telah diwujudkan pada tahun 2014 dan hadiah wang tunai sebanyak RM2,000 disediakan, berserta sijil pengiktirafan untuk setiap pelajar.

Semua pemenang anugerah merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian, dan terdiri daripada Chan Yat Seng yang mendapat Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepujian) dalam Program Pengkomputeran Multimedia, Chye Kim Quan dalam Program Kejuruteraan Perisian, Kayathiri a/p Batumalai dalam Program Pengkomputeran Rangkaian, Kok Woon Chee dalam Program Sains Komputan, dan Voon Mei Wei dalam Program Sistem Maklumat.

Selain cemerlang dalam akademik, semua pemenang juga aktif dalam aktiviti ko-kurikulum seperti seni, sukan dan lain-lain aktiviti di kampus.

Anugerah yang ditaja oleh SAINS ini diberikan kepada pelajar-pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam dua bidang iaitu aktiviti akademik dan ko-kurikulum, sebagai pengiktirafan kepada pencapaian cemerlang pelajar serta memberi motivasi kepada pelajar-pelajar lain untuk mencapai tahap yang sama.

Majlis Anugerah Pelajar Terbaik ini telah diadakan bersama-sama dengan Hari Bersama Graduan pada 17 November 2015 di Panggung Multimedia FSKTM.

Majlis
Konvokesyen
Ke-19

SIKAP POSITIF RESEPI KEJAYAAN YAHYA

Menghidap penyakit folio sehingga menyebabkan pergerakan terbataskan bukan penghalang buat Yahya Jahawi, 29, untuk menggenggam segulung ijazah seperti rakan-rakannya yang lain.

Tarikh 19 November 2015 menjadi detik bersejarah buat Yahya apabila pelajar dari Program Sistem Maklumat, Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat ini berjaya menggenggam segulung ijazah dan meletakkan diri dalam senarai graduan di Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-19.

Yahya yakin, setiap orang boleh berjaya asalkan menanam sikap tidak mudah putus asa, tidak malu, sentiasa bersyukur dan berdoa akan kejayaan diri dari masa ke semasa.

Yahya turut berkata, pengajian selama empat tahun di UNIMAS mengajar beliau banyak perkara dan kenangan manis terutama berkaitan dengan kawan-kawan dan tenaga pengajar yang sentiasa memberi dorongan dan bantuan selama ini.

"Saya menasihati golongan OKU lain supaya tidak mudah berputus asa dan sentiasa berusaha kerana untuk berjaya, kita juga harus bersikap positif selalu," kata anak kepada pesara polis dan berasal dari Miri ini.

Beliau menerima Ijazah Sarjana Sains Komputer dengan Kepujian dalam Program Sistem Maklumat daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak merangkap Canselor UNIMAS, Tun Pehin Sri Hj Abdul Taib Mahmud dalam sidang terakhir Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-19.

Kejayaan beliau ini turut dikongsi bersama oleh keluarga terutama ibunya, Dara Ebrahim, 69, dan abangnya, Marzuki Jahawi, 42, yang menemaninya ke majlis istiadat berkenaan.



"Takkan pulang" Kata terakhir penerima anugerah **Posthumous**

"Takkan balik sampai bila-bila.." itulah kata-kata terakhir daripada Allahyarhamah Siti Rohani binti Sidik, semasa menghubungi keluarganya di Kelantan.

Kakak Allahyarhamah, Puan Rohana binti Sidik memberitahu adiknya itu merupakan seorang yang bercita-cita tinggi serta mempunyai impian untuk membantu kehidupan keluarga yang hanya bergantung kepada ayahnya yang merupakan seorang petani.

Allahyarhamah telah menghembuskan nafas terakhir pada 7 Januari 2015 selepas tiga hari dimasukkan di Hospital Umum Sarawak, dipercayai akibat jangkitan kuman.

Allahyarhamah merupakan pelajar tahun akhir dari Program Pembangunan Sumber Manusia, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia (FSKPM) UNIMAS di mana tahun ini merupakan semester terakhir beliau dengan hanya perlu melengkapkan baki tiga kursus sahaja lagi.

Allahyarhamah Siti Rohani yang merupakan anak ketiga dari lima beradik itu bagaimanapun hanya sempat menduduki peperiksaan bagi dua dari tiga kursus yang berbaki.

Berdasarkan keputusan baik yang dicapai oleh Allahyarhamah sepanjang pengajian beliau di UNIMAS, pihak universiti telah memutuskan untuk menganugerahkan beliau Anugerah *Posthumous*, yang telah disampaikan kepada kakak beliau pada sidang ketiga Majlis Konvokesyen UNIMAS Ke-19 oleh Timbalan Ketua Menteri merangkap Pro-Chancellor UNIMAS, Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu anak Numpang.

Pada sidang yang sama, Anugerah *Posthumous* turut disampaikan ijazah kepada Allahyarham Mohamad Alif bin Hamzah@Umar menerusi wakil yang juga adik beliau, Mohamad Zamir Hamzan@Umar.

Allahyarham Mohamad Alif merupakan seorang pelajar pintar dari Program Pembangunan Sumber Manusia dari FSKPM UNIMAS dan telah menamatkan pengajian di UNIMAS pada semester lepas.

Allahyarham merupakan anak ke dua dari lima beradik dan ayahnya merupakan seorang pesara manakala ibunya adalah seorang guru di Igan, Dalat.



Fifth eBorneo Knowledge Fair 2015 in Ba'Kelalan - A Huge Success

The Institute of Social Informatics and Technological Innovations (ISITI-CRI) successfully organised the fifth eBorneo Knowledge Fair 2015 (eBKF5 2015) which ran from 18- 20 November 2015. The knowledge fair this year marked yet another milestone for ISITI as this was the first time that THE institute organised the knowledge fair at the famous Sarawak tourism spot, Ba'Kelalan, the Heart of Borneo.

The three-day event began with the postgraduate colloquium, which saw the attendance of both local and international postgraduate students from various countries such as the United Kingdom, Sweden, and Nigeria. The students presented the progress of their work in various areas of Information and Communication Technology for Development (ICT4D), all of which were relevant to the goals and objectives of the knowledge fair which is to promote research that innovates with technologies in order to address the challenges and opportunities that remote and isolated indigenous communities face. The event was also filled with workshops conducted by speakers from different countries.

The keynote speech entitled "Community-based co-design of Indigenous Knowledge Technologies: Challenges and Opportunities" was delivered by Professor Dr Heike Wanschiers from the Politechnique of Namibia.

The community members were also introduced to several areas of research that are currently being conducted, all of which were presented during the eBKF5 2015. This was exceptionally beneficial as the members of the

community were able to ask the researchers in detail what the current research is and how this can be further improved with the input of the local community as well. This highlighted one of the unique features of the eBKF5 2015, which was to provide these different stakeholders with the appropriate platform to look at the many possibilities and opportunities which could be explored between the parties.

Apart from that, the participants were also brought to explore the magnificent highlands of Ba'Kelalan by members of the community, sharing with them the beautiful sights of their homeland and allowing the participants to see for themselves firsthand what the impact of their research could hold for the people of Ba'Kelalan.

The event also witnessed representation from various stakeholders such as the Malaysian Communications and Multimedia Commission (MCMC), Maxis Sdn. Bhd, Pusat Internet 1 Malaysia (PI1M), researchers from UNIMAS, UUM, UCTS, Cornell University, Cambridge and Oxford University, Politechnique of Namibia, as well as members from the indigenous communities from Ba'Kelalan, Bario and Long Lamai.

The eBKF is a unique conference which aims at indigenising and innovating with technologies for impact in order to address the challenges and opportunities that remote and isolated indigenous communities face, particularly the Lun Bawang community in Ba'Kelalan, and the rest of the world as a whole.

Sepanjang pengajian beliau, usaha ke arah perlindungan ikan lumba-lumba, iaitu ikan yang berada di dalam kelompok spesies ikan paus sentiasa mendapat perhatian khas dari penyelidik muda UNIMAS, Cik Cindy Peter.

Atas usaha dan berkat jerit-perih beliau dalam memastikan ikan lumba-lumba tersebut mendapat perlindungan yang sewajarnya, akhirnya Cindy Peter dianugerahkan sebagai penerima Anugerah Stephen Leatherwood, pada Disember 2015.



BERKAT SAYANGI HIDUPAN MARIN: CINDY RANGKUL ANUGERAH ANTARABANGSA

Paling menarik, Cindy merupakan satu-satunya ilmuwan UNIMAS yang berjaya memperolehi anugerah berkenaan yang disampaikan pada Persidangan Mamalogi Marin Ke-21 di San Francisco.

Cindy Peter merupakan seorang Pegawai Penyelidik dari Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) UNIMAS, telah berjaya mengalahkan beberapa penyelidik dari Selatan dan Asia Tenggara lain seperti Filipina, Singapura, Indonesia dan sebagainya yang turut menyertai pembentangan kertas kerja di persidangan tersebut.

Menurut Cindy, beliau tidak menyangka akan memenangi anugerah berkenaan memandangkan pesaing-pesaing lain mempunyai kertas pembentangan yang menyakinkan sedangkan kertas kerja beliau hanyalah berkaitan pertindihan aktiviti perikanan dan distribusi spesis ikan paus dan lumba di Santubong, Sarawak.



"Saya amat bersyukur kerana memenangi anugerah ini dan berterima kasih kepada UNIMAS dan Persatuan Mamalogi Marin atas kerjasama dan bantuan sepanjang penyertaan saya dalam persidangan ini," katanya semasa ditemui di Institut Kepelbagaian Biologi dan Pemuliharaan Alam Sekitar (IBEC) baru-baru ini.

Anugerah berkenaan sememangnya ditunggu-tunggu kerana ia peluang untuk penyelidik muda dari Selatan mahupun Asia Tenggara membentangkan kertas kerja berkaitan kaedah perlindungan hidupan marin yang terbaik.



TAKLIMAT TPPA BERSAMA

Y.B DATO' SRI MUSTAPA
MOHAMED

Satu sesi penerangan mengenai Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) atau *Trans Pacific Partnership Agreement* telah berlangsung di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA, UNIMAS pada 15 Januari lepas.

Kira-kira dua ratus peserta terdiri dari kakitangan UNIMAS serta agensi kerajaan, IPTA dan IPTS menghadiri sesi penerangan berkenaan.

Sesi penerangan TPPA tersebut telah disampaikan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Y.B Dato' Sri Mustapa Mohamed, selama dua jam bermula jam 8.00 malam.

Sesi ini adalah untuk YB Menteri menerangkan dengan lebih lanjut berkenaan TPPA serta menjawab persoalan daripada tetamu-tetamu yang hadir.

Secara ringkas, TPPA adalah perjanjian perdagangan bebas yang dirunding oleh dua belas buah negara

di rantau Asia Pasifik seperti Australia, Brunei, Kanada, Chile, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Peru, Singapura, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Perjanjian ini mengandungi kesepakatan dalam perkara berkaitan peraturan dan dasar perdagangan serta ekonomi. Antaranya pengurangan tarif perdagangan, kerangka bersama harta intelek, penyelarasan undang-undang buruh dan keseragaman kaedah pelaburan.

TPPA bertujuan meningkatkan perdagangan dan pelaburan dalam kalangan negara anggota, menggalakkan inovasi, pertumbuhan dan pembangunan ekonomi, dan menyokong penjana dan pengkalan pekerjaan.

Dalam sesi penerangan tersebut, para peserta turut diberi peluang untuk mengemukakan soalan berkenaan TPPA kepada YB Menteri.





PELANTIKAN SEBAGAI FELO ASM PENCAPAIAN CEMERLANG PROF BALBIR SINGH, FASc

Pensyarah Fakulti Sains Perubatan dan Sains Kesihatan UNIMAS, Profesor Dr. Balbir Singh al Mohan Singh telah dianugerahkan keahlan Felo Akademi Sains Malaysia (ASM) pada 31 Oktober 2015.

Penganugerahan tersebut telah disampaikan oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau yang turut disaksikan bersama oleh Naib Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali dan Profesor Dato' Dr Asma Ismail.

"Penganugerahan sebagai Felo ASM ini merupakan satu penghormatan besar dan juga pengiktirafan kepada sumbangan dan usaha saya termasuk kakitangan dan pelajar pascasiswazah yang berpeluang bekerjasama dengan saya selama ini," katanya semasa ditemuramah oleh PERSADA baru-baru ini.

Profesor Balbir berkata, ia sekaligus membuka peluang kepadanya untuk terus menyumbang dalam penyediaan input-input bagi dasar-dasar kerajaan berkaitan sains di Malaysia.

Menurut Profesor Balbir, pemilihan Felo ASM adalah berdasarkan kepada keputusan jawatankuasa di ASM yang akan memutuskan sama ada mereka yang dicalonkan mempunyai kelayakan yang diperlukan untuk dipilih sebagai Felo ASM, kini disertai seramai 280 saintis di Malaysia.

"Nama-nama calon yang disenaraikan pendekoh jawatankuasa penamaan ini kemudiannya dicadangkan pada Mesyuarat Agung Tahunan ASM (biasanya diadakan pada akhir April setiap tahun) dan hanya orang-orang yang diterima di Mesyuarat Agung Tahunan kemudiannya dijemput untuk menjadi Felo ASM," katanya lagi.

Beliau berkata, mereka yang dipilih sebagai Felo ASM boleh menggunakan gelaran 'Felo Akademi Sains Malaysia' atau singkatan FASc selepas nama mereka.

"Sebagai Felo ASM, anda berpeluang untuk memberi idea-idea yang bernas dalam pembangunan sains dan teknologi di negara ini," katanya.

Akademi Sains Malaysia (ASM) telah ditubuhkan pada tahun 1995 di bawah Akta Akademi Sains Malaysia 1994 dan berperanan sebagai satu institusi penting dalam membantu perkara-perkara yang berkaitan dengan sains, kejuruteraan, teknologi dan inovasi. Komitmen ASM boleh dilihat dalam ketegasan mereka untuk memupuk budaya kecemerlangan sains dan teknologi di Malaysia.

Sebagai sebuah institusi pemikir kebangsaan mengenai sains dan teknologi, ASM melakukan kajian dan projek yang menyediakan asas untuk dasar kerajaan di peringkat nasional dan antarabangsa serta membawa kesan positif kepada negara dan masyarakat sejangat.



TERBITAN UNIMAS TEMUI PEMBACA ANTARABANGSA DI FRANKFURT

50



Bahagian Penerbitan UNIMAS buat julung-julung kalinya telah menyertai Pesta Buku Antarabangsa Frankfurt ke-67, FBM2015 pada bulan Oktober 2015 yang lalu. Membawa nama baharu, UNIMAS Publisher, UNIMAS telah diwakili oleh Puan Rapiyah Bujang dari Unit Promosi dan Pemasaran dan Puan Safrina Mahili dari Unit Editorial. Pameran tersebut telah beransung di pusat konvesyen Frankfurt am Main, Frankfurt selama lima hari bermula 14 sehingga 19 Oktober 2015.

Dijulang sebagai pameran buku antarabangsa tersohor dunia, FBM2015 disertai lebih kurang 7,200 penerbit dari 104 buah negara. Tahun ini, FBM2015 telah mencatat seramai 276 ribu pengunjung.

Tetamu Kehormat FBM2015 kali ini adalah Indonesia dan negara Malaysia yang telah membawa tema Citarasa Malaysia sebagai scrotan penting pada tahun ini.

Di bawah naungan Majlis Penerbitan Ilmiah (MAPIM), UNIMAS telah membawa bersama tiga buku hasil karya ahli akademik UNIMAS iaitu, *Butterflies of Malaysian Borneo* karya Fatimah Abang, *Swamp Kuching Wetlands National Park* karya William Beavitt, Andrew A Tuer dan *Croaks of the Bornean Frog: The Hyilarana of Sarawak* karya Ramlah

Zainudin, Hasnizam Abdul Wahid dan Mustafa Abdul Rahman. Ketiga-tiga judul ini diketengahkan sebagai buku genre ilmiah dalam bidang biodiversiti dan telah tersenarai sebagai 50 judul buku Terbaik Malaysia untuk Pelesenan Antarabangsa 2015 oleh Majlis Buku Kebangsaan (MBKM).

Antara pengisian di sepanjang berlangsungnya FBM2015, wakil UNIMAS Publisher berkesempatan menyertai mesyuarat ringkas bersama dengan penerbit dan pengedar antarabangsa, antaranya SPI Global, INGRAM Content Group, OverDrive, OXFORD University Press, SCOPE e-Knowledge Centre, EBSCO Publishing, ProQuest, Swift ProSys dan sesi dialog bersama Asosiasi Penerbit Perguruan Tinggi Indonesia (APPTI).

Hasil daripada penyertaan ke FBM2015 ini, UNIMAS Publisher telah mula mengorak langkah dengan menggerakkan projek buku elektronik (ePub) dengan harapan membawa 20 judul ilmiah dalam bentuk digital yang mengetengahkan bidang biodiversiti, sains dan kebudayaan serta membina senarai judul buku yang lebih mantap sebagai langkah mengangkat jenama UNIMAS sebagai hab Malaysiaiana negara.



CITRAWARNA UNIMAS 2015 SERLAH BAKAT DAN KREATIVITI PELAJAR

Citrawarna UNIMAS adalah aktiviti tahunan pelajar setiap kali bermulanya musim Konvokesyen di universiti. Tahun ini, dengan tema 'Colours of the World', Citrawarna UNIMAS menampilkan kreativiti dan inovasi pelajar dalam mengetengahkan persembahan tari dan kesenian.

Tahun 2015 menyaksikan Kolej Alamanda menang besar apabila diumumkan sebagai juara pertandingan Citrawarna UNIMAS 2015 bagi kategori kolej dan anugerah pakaian terbaik pada 11 November 2016.

Manakala SMK Kota Samarahan pula menyandang gelaran juara bagi kategori sekolah-sekolah menengah sekaligus menyingkirkan tujuh sekolah lain yang turut menyertainya.

Bagi juara untuk kedua-dua kategori berkenaan membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM2,000 dan piala, manakala tempat kedua, mendapat wang tunai sebanyak RM1,500 dan piala seterusnya tempat ketiga, wang tunai sebanyak RM1,000 dan piala.

Anugerah pakaian terbaik bagi sekolah menengah dimenangi oleh SMK Hajah Laila Taib di mana bagi pemenang anugerah ini membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM500 dan piala.

Anugerah muzik terbaik untuk kategori kolej disandang oleh Kolej Bunga Raya dan kategori sekolah menengah oleh SMK St. Teresa dengan hadiah berupa wang tunai RM300 dan piala.

Anugerah khas juri bagi kategori sekolah menengah dimenangi oleh SMK Wira Penrissen dan Kolej Kenanga bagi kategori kolej dengan hadiah berupa wang tunai RM200 dan piala.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang telah disampaikan oleh Menteri Muda Pelancongan, Datuk Haji Talip Zupillo. Turut hadir sama ialah Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr Monamad Kadim Suardi, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Profesor Dr Wan Hashim Wan Ibrahim, Pendaftar, Tuan Haji Abu Bakar Ibrahim dan Pegawai-pegawai UNIMAS.

Festival Konvokesyen (ConFest) , iaitu pesta konvo yang sering mengiringi sambutan graduan pada minggu konvokesyen, dimulakan dengan perarakan Citrawarna pada tahun 2015. Berbeza daripada tahun sebelumnya, ConFest2015 kali ini berlangsung selama 7 hari dan dimeriahkan dengan pelbagai acara bermula dari 11 hingga 17 November 2015.

Pelbagai pengisian telah dirancang dan dilaksanakan sepanjang tempoh festival tersebut berlangsung antaranya ialah pembukaan kira-kira 80 buah gerai yang merupakan gerai paling banyak pernah disediakan oleh penganjur.

Pelbagai pertandingan turut diadakan antaranya kejohanan tarik Tali terbuka UNIMAS, UNIMAS *Duathlon Challenge* 2015, Pesta Buku Konvokesyen, Khatamal Al-Quran, 'Kalam', 'Go-Bata', *Movie Night*, *DOTA 2 Championship & PC Fair*, Pertandingan Nyanyian *Minus-One* UNIMAS 2015, Pertandingan *Battle of the Band* UNIMAS 2015, *ConFest Bowling Championship*, Pertandingan Senam Seni UNIMAS 2015, Joran PERSADA, pameran daripada agensi luar dan swasta serta program UNIMAS *Street Festival*. Program berbentuk kesukanan dan kesihatan seperti *ConFest Health Care Day* dan *Run4Life* juga telah dianjurkan dan disertai ramai.



Konsert Perdana Festival Konvokesyen UNIMAS 2015 juga tersenarai bagi memeriahkan lagi ConFest2015 kali ini. Antara kumpulan muzik yang dijemput untuk memeriahkan ConFest2015 ialah kumpulan Drama Band, penyanyi tempatan Leez Zwita serta penyanyi yang semakin meningkat populariti dan berasal dari Sarawak, Ir Radzi.

Gerai-gerai jualan turut mendapat sambutan di kalangan pelajar serta orang awam yang tidak henti mengunjungi gerai-gerai berkenaan. Antara gerai yang dibuka adalah gerai makanan, pakaian serta pelbagai gerai lagi. Selain itu pameran daripada pihak badan kerajaan serta bukan kerajaan turut dibuka.





SISWA UNIMAS KEMBALI BERBAKTI DI KAMPUNG TELAGA AIR

Kembali berbakti- itulah yang dilakukan oleh pelajar Sarjana dan pensyarah UNIMAS dalam program kursus bimbingan kerjaya di Pusat Internet 1 Malaysia, Kampung Telaga Air pada 7 November 2015.

Ini merupakan salah satu program anjuran siswa ijazah Sarjana daripada siswa KOHORT 3, Program Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia (HRD), UNIMAS Program Pembangunan Sumber Manusia, UNIMAS untuk mengaplikasikan apa yang telah dipelajari di universiti dalam sesi amali yang sebenar.

Program latihan yang diadakan bertemakan "Kursus Bimbingan Kerjaya : *Towards a Better Me*" itu melibatkan seramai 28 orang peserta yang kebanyakannya terdiri daripada pelajar lepasan SPM dan beberapa orang peserta yang memiliki kelayakan lain termasuk yang belum dan sudah bekerja.

Antara objektif program adalah untuk memberi pengetahuan, kemahiran dan kompetensi lain yang berkaitan untuk peserta bagi membangunkan potensi diri mereka, berseciakan dengan pasaran kerja dan membina sikap dan pemikiran yang positif.

Ini sekaligus meningkatkan pengetahuan dan kemahiran siswa dalam pengendalian program latihan secara praktikal untuk Kursus KMS6033 iaitu Rekabentuk dan

Pengurusan Program Latihan (*Design and Management of Training Program*) dan mempromosi program Sarjana Sains Pembangunan Sumber Manusia dan UNIMAS kepada masyarakat.

Dekan, Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, Encik Abang Fkhsan Abang Othman, semasa merasmikan program berkenaan berkata, peranan yang boleh dimainkan oleh UNIMAS dalam memberi sumbangan bermakna kepada masyarakat dalam konteks mewujudkan jaringan universiti dan masyarakat yang bersifat menang-menang.

"Masyarakat dan komuniti universiti pula perlu bekerjasama dalam konteks kerjasama pintar bagi mewujudkan siswa UNIMAS yang mempunyai keprihatinan yang tinggi pada masyarakat dan mempunyai tahap kemahiran insaniah yang tertinggi" katanya. Beliau turut menyarankan Pusat Internet 1 Malaysia yang diwujudkan di pelbagai kawasan di Sarawak untuk bekerjasama dengan pihak UNIMAS yang mempunyai kepakaran dan pengetahuan terutama dalam bidang teknologi maklumat. Encik Abang Ekhsan juga berkata, ini untuk menjadikan pusat internet yang diwujudkan itu dapat beroperasi pada tahap terbaik dan memberi manfaat terbesar pada masyarakat.



KETERUJAN PELAJAR KOREA BELAJAR BAHASA & BUDAYA TEMPATAN

Lapan belas pelajar Kyungpook National University (KNU), Korea Selatan yang menyertai program "KNU-UNIMAS Language, Culture and Volunteer 2016" di UNIMAS, teruja dengan hasil yang dimanfaatkan oleh mereka sepanjang program tersebut diadakan selama dua minggu baru-baru ini.

Pelajar dari jurusan kejuruteraan awam KNU, Lee Dong Wook, 23, berkata, penyertaan beliau di dalam program memberi seribu makna kepadanya kerana ia adalah peluang untuknya menimba ilmu baru selain mendapat kawan-kawan dari negara lain.

"Program begini sememangnya menarik dan saya merasa bertuah kerana dipilih untuk menyertainya terutama apabila mendapat kawan baru di UNIMAS ini," katanya yang merupakan seorang pelajar dari KNU dalam jurusan kejuruteraan awam.

Manakala Lee Hansol, 22, berkata menerusi program ini, mereka dapat mempelajari budaya dan bahasa di negara Malaysia selain berkongsi ilmu tersebut kepada kawan-kawan lain ke negara mereka sendiri.

Beliau yang merupakan pelajar KNU jurusan kejuruteraan berkata, pengalaman pertama ini memberi manfaat kepada

semua mereka dan berharap akan dapat ke negara ini sekali lagi pada masa akan datang.


Sementara itu, menurut Pengarah Bahagian Hal Ehwat Antarabangsa UNIMAS, Prof Madya Dr. Soubakeavathi Rethinasamy, program dengan kerjasama KNU-UNIMAS itu merupakan yang kedua diadakan di universiti ini selepas kali pertama diadakan tahun lepas.

Beliau berkata, turut menyertai program sama ialah lapan belas pelajar UNIMAS termasuk tiga pelajar antarabangsa dari Bangladesh, Indonesia dan Turki.

"Antara aktiviti yang diadakan sepanjang program kebajikan serta rekreasi dan juga program pengajaran dan pembelajaran," katanya.

Beliau berkata, antara aktiviti yang diadakan seperti mengadakan lawatan dan gotong royong di Persatuan Disleksia Sarawak, Persatuan Kanak-kanak Kanser Sarawak, Samajaya Nature Reserve dan Pantai Kampung Lundu, kelas Bahasa Malaysia dan Korea serta lain-lain.

Turut menyertai rombongan dari KNU tersebut ialah Dekan Perhubungan Penyelidikan Sekolah Perubatan KNU, Profesor Dr In Kyeom Kim dan Pegawai Pendidikan KNU, Cik Gyesuk Lim.



SEKITAR MAJLIS SYARAHAN INAUGURAL 2015

Prof Kopli Bujang, Prof Siti Raudzah,
Prof Alvin Yeo



Sepanjang bulan Ogos sehingga Disember 2015, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) telah menganjurkan tiga Majlis Syarahan Perdana yang disampaikan oleh tiga tokoh akademik bertempat di Pusat Islam, Universiti Malaysia Sarawak.

Padabulan Ogos, siri syarahan perdana diteruskan dengan pembentangan Profesor Dr Kopli Bujang dari Fakulti Sains & Teknologi Sumber yang juga Pengerusi Jawatankuasa Penerbitan Akademik, dengan syarahan beliau bertajuk *"Rejuvenation of An Old Crop: Roles of Sago in the Food & Energy Industries"*

Profesor Dr Alvin Yeo Wee, pensyarah kanan di Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat dan juga merupakan Pengarah, Institut Informatik Sosial dan Teknologi Inovasi (ISITI) menyampaikan syarahan yang bertajuk *"Leveraging Research and Innovation in ICTs for Socio-Economic Development in Malaysia"*.

Siri syarahan perdana tahun 2015 ditutup dengan pembentangan syarahan dari Profesor Dr Siti Raudzah Ghazali, bertajuk, *"Surviving Childhood Trauma : A Story Between You and Me"*. Beliau merupakan seorang pensyarah kanan di Jabatan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dan juga merupakan Dekan di Pusat Pemajuan Pelajar.

UNIMAS & CORNELL INITIATES SERVICE LEARNING PROGRAMME

Community engagement has always been a top priority for the Institute of Social Informatics and Technological Innovations (ISITI) in order to ensure the success of the various research projects that the institute is involved in, as it is through interaction with the various communities that allows researchers to conduct studies that will maximize the benefits for the community.

It was with this spirit for research that a collaborative effort between


UNIMAS and Cornell University, USA, to develop a service learning programme for students from Cornell University at the different ISITI research sites in Sarawak was initiated. This programme, which is primarily undertaken by ISITI, will integrate meaningful community service with instruction and reflection to enrich the learning experience of students.





ISITI recently welcomed the first group of eight students to Sarawak, who will be embarking on a three week service learning excursion to two ISITI research sites in Bario and Long Lamai. Upon arrival, the students, together with their instructors, Associate Professor Dr Shorna Broussard Allred and Amy Kuo Somchanhmavong, were given a one-day orientation to the programme. They were introduced to the research sites by ISITI's visiting professor, Dr Roger Harris, and had the chance to have a discussion with ISITI Director, Professor Dr Alvin Yeo on the dos and don'ts when interacting with indigenous communities, whereby they shared their concerns and questions about meeting with the communities for the first time.





VISIT FROM LYCÉE FRANÇAIS DE KUALA LUMPUR (FRENCH SCHOOL OF KUALA LUMPUR)

By: Nazeri Abdul Rahman

A group of 20 students and 2 teachers from the French School of Kuala Lumpur (Lycée Français de Kuala Lumpur) visited the Department of Chemical Engineering and Energy Sustainability (CEES). The main purpose of this visit is to give exposure on the science and technology courses available at a Malaysian university, specifically in Universiti Malaysia Sarawak.

The students are in their high school level and a number of them will enter college next year. According to one of the accompanying teachers,

whom had visited UNIMAS previously, the Department of Chemical Engineering and Energy Sustainability have been selected due to fact that she is very impressed with the research works related to sustainability at the department especially those conducted on biomass densification.

The visit to the CEES department was one of the activities planned for their three day visit in Kuching. The entourage was greeted by members of faculty namely, Mr. Nazeri Abdul Rahman, Dr Shanti Faridah Salleh, CEES Dept. Technical Staff, and joined by CEES students, Norzafrah Azriah binti Mohd Fadzli, Mohd Mahadir bin Mahsahirun, Siti Aisyah binti Mohamad Akil, Mohd Iqmal Mamat, and Ahmad Azim Salihin Saim.





13 AHLI MPP BAHARU ANGKAT SUMPAH

Seramai 13 pelajar UNIMAS dipilih sebagai ahli Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS bagi Sesi 2015/2016 dan telah mengangkat sumpah di hadapan Naib Canselor UNIMAS, Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim Hajj Suaidi serta para Pengurusan Tertinggi, Dekan-Dekan dan Pegawai Utama UNIMAS pada bulan November tahun lepas.

Barisan MPP diketuai oleh Basnel Guswinoo Bin Basri sebagai Yang Di-Pertua MPP merangkap Exco Protokol, Hemnaarth AL Tanakaran (Naib Yang Di-Pertua merangkap Exco Pascasarjana), Neeshalini AP Kalcappan (Setiausaha Agung), Christinus Ng Ka Hing (Bendahari Kenahmat), Gary Anak John (Exco Sukan, Rekreasi & Kesihatan), Nur Amalia Bt Zulkipli (Exco Keusahawanan, Inovasi & Kerjaya), Muhammad Syafiq Bin Ahmad Hisham (Exco Keselamatan & Kebajikan), Mohd. Helmi Bin Mustafa (Exco Pengangkutan & Kemudahan), Mohd Amirul Husni Bin Jakaria (Exco Publisiti, Informas & Multimedia), Ahmad Jibre Bin Mohd Yusof (Exco Pembangunan Sahsiah & Modal Insan), Nur Nabihah Bt Shahaudin (Exco Kesenian & Kebudayaan), Karthik AL Sathiamoorthy (Exco Akademik & Kesarjanaan) dan Nazmi Bin Suhaimi (Exco Perhubungan & Antarabangsa).

Pemilihan MPP UNIMAS kali ini menyaksikan empat (4) calon umum telah menang tanpa bertanding dan sembilan (9) orang calon bertanding bagi kerusi fakulti pada hari pengundian yang telah berlangsung pada 15 Oktober 2015 yang lalu dengan jumlah pelajar yang turun mengundi seramai 7,287.

Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia, UNIMAS pula telah mencatat peratusan pelajar tertinggi turun mengundi iaitu sebanyak 61.04 peratus.

Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohamad Kadim berkata, MPP merupakan organisasi tertinggi mahasiswa di universiti ini yang boleh menjadi jambatan penghubung di antara mahasiswa dengan pihak pengurusan universiti.

Beliau berkata, oleh kerana itu, MPP yang dilantik haruslah memanfaatkan peluang dan kepercayaan yang diberi dengan memantapkan barisan kepimpinan mahasiswa di samping membantu ke arah pembangunan universiti serta memahami misi dan visi Universiti agar dapat berganding bahu bersama dengan pengurusan universiti ke arah pencapaian misi dan visi yang ditetapkan.

"MPP juga berperanan dalam melaksanakan aktiviti kemahasiswaan dan kemasyarakatan bagi meningkatkan kesedaran mahasiswa mengenai isu setempat, negara dan antarabangsa serta meningkatkan kualiti sistem pembelajaran di UNIMAS.

"Peranan aktif harus dimainkan oleh MPP untuk menarik golongan mahasiswa menyertai program ilmiah yang dianjurkan dengan keazaman untuk menambah ilmu di dada, dan bukannya sekadar mengharap insentif daripada penyertaan tersebut sahaja," katanya lagi.

Naib Canselor menamoaah, pihak universiti tidak pernah menyekat apa jua cadangan yang ingin dimajukan oleh MPP, sekiranya ia membawa kepada kebaikan semua pihak dan kecemerlangan Universiti secara keseluruhan.

Malahan, katanya, idea, cadangan, pandangan mahupun kritikan sebagai golongan mahasiswa UNIMAS akan diambil kira selagi tidak bertentangan dan bercanggah dengan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1971, Pindaan 2012 dan mana-mana undang-undang lain yang berkaitan.



TRAGEDI ANTIGONE DIPENTASKAN DI UNIMAS

Pejabat tahun satu dan dua Program Drama dan Teater, Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif (FSGK) telah mementaskan teater tragedi 'Antigone' di Panggung Ekperimen, FSGK, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) pada 4 Disember lepas.

Teater terjemahan Ahmad Yatim tersebut dipentaskan selama dua hari dan merupakan sebahagian daripada tugas dalam kursus yang diambil oleh pelajar iaitu GKD2114 Produksi Teater II bagi pelajar tahun Dua manakala GKD1013 Seni Lakonan Awal bagi pelajar Tahun Satu.

Melalui pementasan ini, kemampuan pelajar dinilai melalui mengaplikasikan ilmu teori asas lakonan proses pengurusan praproduksi, produksi serta pascaproduksi sesebuah pementasan secara profesional.

Menurut pengarah pemontasan teater tersebut, Syarafina Abdullah atau nama pentasnya Sharon Syarafina berkata, "Melalui proses pengajaran dan pembelajaran ini, para pelajar diberi pendedahan awal serta pengalaman praktikal dalam mementaskan sebuah produksi dengan jawatan pengurusan serta artistik yang telah dilantik.

"Sama ada berkerja secara individu mahupun berkumpulan, para pelajar turut didedahkan juga dengan ketrampilan diri (softskills) apabila berkerja di dalam sebuah produksi," katanya lagi.

Tambahnya lagi, pelajar tahun dua divedahkan serta diberi bantuan teknikal serta seliaan minima dipertanggungjawabkan dan diuji kemampuan mereka dari

segi pengurusan tadbir, artistik serta keupayaan mencari solusi kepada permasalahan yang timbul sepanjang proses praproduksi, produksi dan pascaproduksi, manakala untuk pelajar tahun satu (1) diberi bimbingan sepenuhnya daripada pensyarah, teknik lakonan dari segi proses pembinaan dan penghayatan watak yang melibatkan mental, emosi dan fizikal pelajar.

Antigone merupakan skrip drama pentas berunsur tragedi yang mengisahkan Antigone mengingkari titah

Pusat Khidmat Maklumat Akademik
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK



MERAIKAN... Sharon Syarafina turut meraikan kejayaan pementasan bersama sebahagian krew produksi Shahrul Affendi dan Imansyah Al-Firdaus.

PEMENTASAN... Ismene (berkain hijau) memperkatakan sesuatu kepada Antigone (berkain jingga) dihadapan Raja Creon (berkain kundang) dengan disaksikan koragos (berkain coklat) dan barisan chorus.



Raja Creon yang melarang untuk menyentuh jasad abangnya, Polyeneices yang terkorban dalam medan perang untuk dikebumikan dan memanjatkan doa kepada roh si mati.

Undang-undang buatan manusia itu, tidak menjadi penghalang Antigone untuk memberi penghormatan ke atas kematian abangnya. Akibat ingkar, Antigone telah ditangkap dan dipasung lalu dia memberontak mengatungkan dirinya bagi memperlihatkan kepada Raja Creon tentang kebesaran undang-undang Tuhan yang

akhirnya mengundang kematian buat putera bongsu Raja Creon, Haemon dan permaisuri, Eurydice disusuri degan sesalan Raja Creon.

Antara karya Greek yang pernah dipentaskan oleh UNIMASTAGE sebelum ini adalah Lysistrata (2013) karya Aristophanes, dramatari Medea (2014) karya Euripides dan terkini Antigone (2015) karya Sophocles.



Pensyarah Nur Qasdina Jeeta Abdullah (kanan) penasihat bersama Sharon Syarafina (kiri), pengarah teater Antigone yang juga pensyarah Program Drama dan Teater






NEW RELEASES

Get our new titles at the
Galeri Buku, CAIS




Opening Hours

8:45 a.m - 4:15 p.m

☎ ext. 3840



INAUGURAL LECTURE SERIES



We welcome book proposals from the staff & academics. Please forward them to;

Editorial Unit, UNIMAS Publisher,
Fifth Floor, Bangunan Canselori,
Universiti Malaysia Sarawak.

Find out more information on book proposals and how to write one. Contact us;

Sabrina Mahili
ext. 1899
msabrina@unimas.my

Norinda Su'ut
ext. 1159
snorinda@unimas.my